

# Alamat Pejabat YPK Kawasan

BIL	ALAMAT	NO TELEFON & FAKS
1	Pejabat YPKT Kawasan Kemaman Lot 144 Kg Gong Limau 24000 Kemaman, Terengganu	09-8584898
2	Pejabat YPKT Kawasan Dungun Lot 9999 Bangunan Business Centre Sura Gate, 23000 Dungun, Terengganu	09-8485654
3	Pejabat YPKT Kawasan Hulu Terengganu Lot G18, G19, G20 & G21, Tingkat 1, Bangunan Arked Diman, 21800 Ajil, Hulu Terengganu	09-6861012
4	Pejabat YPKT Kawasan Marang Pt No 160 & 161, Pekan Marang 21600 Marang, Terengganu	09-6189135
5	Pejabat YPKT Kawasan Kuala Terengganu Jalan Sultan Omar 20300 Kuala Terengganu	09-6249355
6	Pejabat YPKT Kawasan Kuala Nerus Lot PT 30714 Tmn Desa Wakaf Baru Jalan Lapangan Terbang 21300 Kuala Terengganu	09-6672667
7	Pejabat YPKT Kawasan Setiu Lot 2731 Kawasan Perumahan Kakitangan Putera Jaya , Kg Pak Kancil Bandar Permaisuri 22100 Setiu, Terengganu	09-6097808
8	Pejabat YPKT Kawasan Besut Lot 5120 A Bangunan Wisma Koperasi Guru Melayu Bhd, Kg Jawek 22000 Jerteh, Besut, Terengganu	09-6976301



Pn Ida Khatijah bt Arshad  
(Terengganu)  
014 2935618

Saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pihak Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu kerana prihatin dan mengambil berat tentang kebijakan Ibu-ibu Tunggal di negeri ini. Mulai tahun 2008 saya tidak pernah ketinggalan untuk mengikuti Program Bimbingan Perundangan Ibu Tunggal yang dianjurkan oleh YPKT, sehinggalah saya mampu mengendalikan sendiri tuntutan kes saya dimahkamah tanpa menggunakan peguam dan kini beberapa tuntutan kes telah selesai dengan jayanya. Alhamdulillah. Kini saya ingin berkongsi pengalaman membantu ibu Tunggal yang ingin memulakan tuntutan kes di mahkamah syariah sebagai Sukarelawan Bimbingan Perundangan.



Shahlawati bt Md Ariff  
(Wilayah Persekutuan)  
013 6929818

Saya akan berusaha untuk hadir ke Program Bimbingan Perundangan Ibu Tunggal setiap kali ia dianjurkan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu walaupun terpaksa mengambil cuti rehat dan memandu bersendirian dari Kuala Lumpur ke Terengganu. Selama 3 tahun saya mengikuti Program berkenaan sehingga saya dengan penuh yakin untuk mengendalikan sendiri tuntutan kes saya dengan jayanya. Kini saya mampu berkongsi ilmu dan kemahiran ini dengan ibu Tunggal yang masih terkapai-kapai tanpa sokongan. Saya menyeru mana-mana ibu tunggal di Malaysia ini "carilah YPKT, kerana di sana banyak ilmu dan kemahiran yang akan diperolehi". Untunglah ibu Tunggal di Negeri Terengganu kerana ada pihak yang memperjuangkan nasib KITA. Terima kasih Terengganu, Terima kasih YPKT.



## PROGRAM BIMBINGAN PERUNDANGAN IBU TUNGGAL



YAYASAN PEMBANGUNAN KELUARGA  
TERENGGANU

## Pengenalan

Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT) telah diberi tanggungjawab untuk menyatu dan memperkasakan jati diri golongan Ibu Tunggal agar permasalahan dan kebajikan mereka dapat dibantu. Selaras dengan kehendak tersebut, YPKT telah menyusun dan melaksanakan program-program dengan lebih sistemastik dan terancang bagi memastikan semua ibu tunggal di Negeri Terengganu mampu memperolehi manfaat daripada program yang dijalankan. Program-program tersebut merangkumi Program Undang-Undang, Peningkatan Ekonomi, Kekeluargaan Dan Kesihatan. Program-program ini merupakan cabang kepada Program Cakna Ibu Tunggal Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu.

Program Bimbingan Perundangan Ibu Tunggal merupakan satu kursus bermodulan yang memberi maklumat dan bimbingan kepada Ibu Tunggal tentang hak-hak mereka berkaitan perundangan di samping pendedahan kepada prosedur-prosedur perundangan, kes-kes tuntutan, permasalahan Ibu Tunggal serta garis panduan dalam memastikan ibu tunggal mendapat hak yang sewajarnya dalam kehidupan mereka.

## Objektif

1. Memberi kesedaran dan kefahaman di kalangan wanita khususnya Ibu Tunggal berkaitan dengan undang-undang dan hak-hak mereka dalam tempoh perkahwinan dan selepas perceraian terutama kepada wanita yang menghadapi proses perceraian.

2. Melahirkan seberapa ramai Sukarelawan Pembimbing Perundangan Ibu Tunggal yang dapat membantu memberi bimbingan berkaitan tatacara yang betul dalam mengendalikan kes di mahkamah seperti kes perceraian, tuntutan nafkah anak, harta sepencarian, fasakh dan sebagainya.

3. Mewujudkan kumpulan sokongan dikalangan Ibu Tunggal sendiri yang mempunyai masalah perundangan.

## Jenis Tuntutan

### \*\*\* Tuntutan Dalam Tempoh Perkahwinan

1. Nafkah Diri
2. Hak Jagaan Anak / Hadhanah
3. Nafkah Anak
4. Tuggakan Nafkah
5. Hak Tempat Tinggal
7. Hak Cagar Nafkah
8. Perintah Tegahan

### \*\*\*Tuntutan Selepas Perceraian

1. Eddah
2. Mutaah
- 3 Harta Sepencarian
4. Hak Jagaan Anak / Hadhanah
5. Nafkah Anak
6. Tuggakan Nafkah
7. Hak Tempat Tinggal

## MODUL PROGRAM BIMBINGAN PERUNDANGAN IBU TUNGGAL 12 PERINGKAT PROSES TUNTUTAN

